

26 FEB 2003

KERAJAAN T'GANU AKUR MRSM DUNGUN DITUTUP

KUALA TERENGGANU, 26 Feb (Bernama) -- Kerajaan Terengganu akur dengan keputusan kerajaan pusat menutup Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT) di Dungun dan Besut walaupun beberapa rundingan mengenainya dibuat sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri, Datuk Mustafa Ali berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan perkara itu tetapi nampaknya ia tidak berhasil.

"Kita sangat kesal dengan apa yang berlaku," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebanyak 648 orang pelajar dari kedua-dua MRSM itu telah berpindah ke lima MRSM di Terengganu, Pahang dan Kelantan bermula 15 Feb lepas.

Mengenai nasib kakitangan bukan di bawah Mara, Mustafa berkata, kedudukan mereka akan ditentukan oleh Yayasan Terengganu yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bangunan yang dahulunya digunakan oleh kedua-dua maktab itu.

-- BERNAMA

AYB SN MAI